



PARLIMEN MALAYSIA



RANG UNDANG-UNDANG

Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia (Pindaan) 1983

DR.7/1983

Naskhah Sahih—Bahasa Malaysia

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta untuk meminda Akta Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia 1979.

[]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia (Pindaan) 1983 dan hendaklah disifatkan telah mula berkuatkuasa pada 1hb September 1980. Tajuk ringkas dan mula berkuatkuasa.
2. Seksyen 2 Akta Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia 1979, yang disebut “Akta ibu” dalam Akta ini, adalah dipinda— Pindaan seksyen 2. Akta 222.
 - (a) dengan menggantikan noktah di hujung takrif “perusahaan kraftangan” dengan koma bertitik; dan
 - (b) dengan memasukkan takrif yang berikut selepas takrif “perusahaan kraftangan”
 “syarikat” ertinya sesuatu syarikat yang diperbadankan menurut Akta Syarikat 1965.’ Pindaan seksyen 8.
3. Seksyen 8 Akta ibu adalah dipinda— Pindaan seksyen 8.
 - (a) dengan memotong perkataan “dan” selepas koma bertitik dalam perenggan (i);
 - (b) dengan menggantikan noktah di hujung perenggan (j) dengan koma bertitik; dan

Akta 125.

(c) dengan memasukkan yang berikut selepas sahaja perenggan (j):

“(k) menerima, sebagai balasan bagi perkhidmatan-perkhidmatan yang diberikan oleh Perbadanan, apa-apa komisen atau bayaran yang telah dipersetujui; dan

(l) menetapkan dan melevi fee-fee atau lain-lain caj mengenai kemudahan-kemudahan, perkhidmatan-perkhidmatan, loji, jentera, peralatan, alat-alat dan bahan-bahan mentah yang diadakan oleh Perbadanan dalam melaksanakan tugas-tugasnya dan menjalankan kuasa-kuasanya di bawah Akta ini.”.

Pindaan
seksyen 9.

4. Seksyen 9 Akta ibu adalah dipinda dengan mengantikannya dengan seksyen yang berikut:

“Kuasa
menubuhkan
anak
perbadanan
dan
syarikat.

9. (1) Perbadanan boleh dari semasa ke semasa dengan kelulusan Menteri dan persetujuan Menteri Kewangan—

(a) melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, menubuhkan suatu anak perbadanan dengan apa-apa nama yang difikirkan patut oleh Perbadanan;

(b) menubuhkan atau menggalakkan penubuhan suatu syarikat dengan apa-apa nama yang difikirkan patut oleh Perbadanan; atau

(c) mengambil alih sesuatu syarikat,

untuk menjalankan dan menjaga, mengelola, dan mengurus apa-apa projek, skim atau enterprais yang telah dirancang atau dijalankan oleh Perbadanan dalam melaksanakan tugas-tugasnya di bawah seksyen 7 atau dalam menjalankan kuasa-kuasanya di bawah seksyen 8.

(2) Peruntukan-peruntukan Jadual adalah terpakai bagi tiap-tiap anak perbadanan yang ditubuhkan oleh Perbadanan di bawah subseksyen (1) dan peruntukan-peruntukan Akta Syarikat 1965 adalah terpakai bagi tiap-tiap syarikat yang ditubuhkan atau diambil alih oleh Perbadanan di bawah subseksyen (1).”.

5. Perenggan (b) subseksyen (3) seksyen 15 Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikannya dengan perenggan yang berikut:

Pindaan
seksyen 15.

“(b) memberi pinjaman atau modal kepada—

(i) mana-mana anak perbadanan yang ditubuhkan atau akan ditubuhkan di bawah seksyen 9; atau

(ii) mana-mana syarikat yang ditubuhkan atau diambil alih oleh Perbadanan di bawah seksyen 9.”

6. Seksyen 18 Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikannya dengan seksyen yang berikut:

Pindaan
seksyen 18.

18. Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 adalah terpakai mengenai Perbadanan.”

“Akta
Badan
Berkannun
(Akaun dan
Laporan
Tahunan)
1980.
Akta 240.

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan meminda Akta Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia 1979.

2. *Fasal 2* bertujuan meminda seksyen 2 Akta untuk memasukkan tafsiran “syarikat”.

3. *Fasal 3* bertujuan meminda seksyen 8 Akta untuk memberi kuasa kepada Perbadanan menerima komisen dan bayaran-bayaran mengenai perkhidmatan-perkhidmatan yang diberikan olehnya. Ia juga bertujuan memberi kuasa kepada Perbadanan untuk mengenakan fee-fee atau lain-lain caj mengenai kemudahan-kemudahan, perkhidmatan-perkhidmatan, loji, jentera, peralatan, alat-alat dan bahan-bahan mentah yang diberi oleh Perbadanan dalam melaksanakan tugas-tugasnya dan menjalankan kuasa-kuasanya di bawah Akta. Sekarang ini, Perbadanan hanya boleh menetapkan fee-fee yang akan dikenakan dalam melaksanakan Bahagian V Akta.

4. *Fasal 4* bertujuan meminda seksyen 9 Akta untuk membolehkan Perbadanan menubuhkan atau menggalakkan penubuhan syarikat-syarikat, atau mengambil alih mana-mana syarikat.

5. *Fasal 5* bertujuan meminda seksyen 15 Akta untuk membolehkan Perbadanan memberi pinjaman atau modal kepada syarikat-syarikat yang ditubuhkan atau diambil alih olehnya.

6. Fasal 6 bertujuan meminda seksyen 18 Akta untuk menguatkuasakan peruntukan-peruntukan Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini akan melibatkan Kerajaan dalam perbelanjaan wang tambahan yang amaunnya tidak dapat ditentukan sekarang ini. [PN. (U²) 1181.]